



23 Februari 2021
23 February 2021
P.U. (A) 69

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2021

TRADITIONAL AND COMPLEMENTARY MEDICINE REGULATIONS 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2016

PERATURAN-PERATURAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2021

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Nama dan permulaan kuat kuasa

BAHAGIAN II

PENDAFTARAN PENGAMAL

2. Permohonan untuk pendaftaran sementara
3. Perakuan pengecualian
4. Permohonan untuk pendaftaran sebagai pengamal berdaftar
5. Permohonan untuk perakuan pengamalan sementara
6. Permohonan untuk perakuan pengamalan pengamal berdaftar
7. Pengembalian perakuan pengamalan selepas penggantungan
8. Mempamerkan perakuan pengamalan

BAHAGIAN III

DAFTAR

9. Daftar
10. Pemeriksaan daftar
11. Permohonan untuk kemasukan semula nama dalam daftar
12. Pemberitahuan perubahan butir-butir

BAHAGIAN IV
PROSIDING TATATERTIB

13. Penubuhan Jawatankuasa Penyiasatan
14. Mesyuarat Jawatankuasa Penyiasatan
15. Aduan atau maklumat
16. Penolakan terus aduan atau maklumat
17. Penyiasatan awal Jawatankuasa Penyiasatan
18. Syor dan rekod penyiasatan
19. Penubuhan pihak berkuasa tatatertib
20. Mesyuarat pihak berkuasa tatatertib
21. Siasatan pihak berkuasa tatatertib
22. Syor pihak berkuasa tatatertib
23. Keputusan Majlis
24. Larangan menghadiri prosiding tatatertib

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2016

PERATURAN-PERATURAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 60(2)(b), (c), (d), (e), (k) dan (m) Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [Akta 775], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perubatan Tradisional dan Komplementari 2021**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2021.

(3) Perenggan 4(2)(b) dan subperaturan 4(3) mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2021 hingga 29 Februari 2024.

BAHAGIAN II

PENDAFTARAN PENGAMAL

Permohonan untuk pendaftaran sementara

2. (1) Mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen 22(1) Akta yang berhasrat untuk mengamal perubatan tradisional dan komplementari hendaklah memohon kepada Majlis untuk didaftarkan secara sementara sebagai pengamal dengan mengemukakan Borang A sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama selepas pembayaran fi dalam Jadual Kedua.

(2) Permohonan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan dokumen yang berikut:

(a) salinan diakui sah kad pengenalan; dan

- (b) salinan diakui sah ijazah, diploma atau sijil, atau jika ijazah, diploma atau sijil itu belum dikeluarkan, salinan diakui sah transkrip ijazah, diploma atau sijil itu; atau
- (c) salinan diakui sah apa-apa dokumen bukti pengalaman dalam bidang amalan diiktiraf oleh orang yang ditentukan oleh Majlis sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), jika salinan diakui sah ijazah, diploma atau sijil itu, atau salinan diakui sah transkrip bagi ijazah, diploma atau sijil itu diperoleh daripada program pengajian yang tidak diakreditasikan, Majlis boleh menghendaki pemohon untuk menduduki dan lulus peperiksaan yang ditetapkan oleh Majlis sebelum permohonan itu dipertimbangkan.

(4) Jika pemohon itu telah didaftarkan secara sementara sebagai pengamal, suatu perakuan pendaftaran sementara hendaklah dikeluarkan sebagaimana dalam Borang B Jadual Pertama.

Perakuan pengecualian

3. (1) Suatu permohonan untuk perakuan pengecualian pendaftaran sementara di bawah subseksyen 22(10) Akta hendaklah dibuat dalam Borang C Jadual Pertama dan dikemukakan kepada Majlis.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) boleh dibuat secara berasingan dan disertakan dengan dokumen sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan 2(2) atau bersama dengan permohonan untuk pendaftaran sementara.

(3) Suatu perakuan pengecualian pendaftaran sementara hendaklah dikeluarkan sebagaimana dalam Borang D Jadual Pertama.

Permohonan untuk pendaftaran sebagai pengamal berdaftar

4. (1) Mana-mana—

- (a) pengamal berdaftar sementara yang telah selesai tempoh kursus latihan di bawah subseksyen 22(5) Akta;
- (b) pengamal yang dikecualikan di bawah subseksyen 22(10) Akta; atau
- (c) pengamal di bawah subseksyen 63(3) Akta yang berdaftar dengan badan pengamal sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima,

hendaklah memohon untuk menjadi pengamal berdaftar dengan mengemukakan Borang E Jadual Pertama dan hendaklah disertakan dengan pembayaran fi dalam Jadual Kedua kepada Majlis.

(2) Pemohon di bawah subperaturan (1) hendaklah layak untuk didaftarkan dengan Majlis jika pengamal itu—

- (a) memperoleh kelayakan diiktiraf sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga; atau
- (b) memenuhi apa-apa keperluan pengalaman dalam bidang amalan diiktiraf sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), Majlis boleh menghendaki mana-mana pengamal di bawah subperaturan (1) untuk menjalani kursus pembangunan kapasiti dalam bidang amalan diiktiraf sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis.

(4) Permohonan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan dokumen yang berikut:

- (a) borang maklumat pemohon;
- (b) salinan diakui sah kad pengenalan;
- (c) salinan diakui sah—
 - (i) ijazah, diploma atau sijil, atau jika ijazah, diploma atau sijil itu belum dikeluarkan, salinan diakui sah transkrip ijazah, diploma atau sijil itu; atau
 - (ii) apa-apa dokumen bukti pengalaman dalam bidang amalan diiktiraf untuk didaftarkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat;
- (d) salinan diakui sah perakuan pendaftaran dengan badan pengamal sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima;
- (e) salinan diakui sah perakuan pengecualian yang dikeluarkan di bawah peraturan 3, jika terpakai;
- (f) salinan diakui sah apa-apa dokumen bukti tamat dengan jayanya kursus pembangunan kapasiti yang dihadiri di bawah subperaturan (3), jika terpakai; dan
- (g) apa-apa dokumen lain sebagaimana yang diperlukan oleh Majlis.

(5) Setelah mempertimbangkan permohonan di bawah subperaturan (1), Majlis boleh menghendaki pemohon untuk menduduki dan lulus peperiksaan jika kelayakan di bawah subperenggan 4(c)(i) diperoleh daripada program pengajian yang tidak diakreditasi.

(6) Setelah permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) diluluskan, Majlis hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pengamal berdaftar dalam Borang F Jadual Pertama.

Permohonan untuk perakuan pengamalan sementara

5. (1) Mana-mana pengamal di luar Malaysia yang berhasrat untuk mendaftar secara sementara hendaklah membuat permohonan dalam Borang G Jadual Pertama kepada Majlis dan disertakan dengan pembayaran fi dalam Jadual Kedua.

(2) Permohonan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan dokumen yang berikut:

- (a) borang maklumat pemohon asing;
- (b) salinan diakui sah kad pengenalan atau pasport yang sah;
- (c) salinan diakui sah—
 - (i) ijazah; atau
 - (ii) kelayakan setaraf dalam bidang amalan diiktiraf sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis;
- (d) salinan diakui sah transkrip ijazah atau kelayakan setaraf sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis;
- (e) salinan diakui sah apa-apa dokumen bukti pengalaman sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis;
- (f) salinan diakui sah apa-apa dokumen yang membuktikan bahawa pengamal layak secara fizikal dan mental untuk mengamal; dan
- (g) apa-apa dokumen lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Majlis.

(3) Setelah permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) diluluskan, Majlis hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pengamalan sementara dalam Borang H Jadual Pertama.

Permohonan untuk perakuan pengamalan pengamal berdaftar

6. (1) Seseorang pengamal berdaftar hendaklah memohon bagi perakuan pengamalan kepada Pendaftar dalam Borang I Jadual Pertama dan hendaklah disertakan dengan pembayaran fi dalam Jadual Kedua.

(2) Permohonan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan dokumen yang berikut:

(a) salinan diakui sah kad pengenalan;

(b) Bahagian A borang maklumat pemohon; dan

(c) apa-apa dokumen lain sebagaimana yang diperlukan oleh Majlis.

(3) Suatu permohonan bagi pembaharuan perakuan pengamalan pengamal berdaftar hendaklah dibuat dalam Borang J Jadual Pertama dan hendaklah disertakan dengan pembayaran fi dalam Jadual Kedua, salinan diakui sah kad pengenalan dan Bahagian A borang maklumat pemohon.

(4) Setelah permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) atau (3) diluluskan, Majlis hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pengamalan dalam Borang K Jadual Pertama.

(5) Mana-mana pengamal berdaftar yang mengamal tanpa perakuan pengamalan yang sah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

Pengembalian perakuan pengamalan selepas penggantungan

7. (1) Selepas tamat tempoh penggantungan nama dalam daftar, mana-mana pengamal berdaftar boleh memohon kepada Majlis untuk perakuan pengamalannya dikembalikan kepadanya dengan mengemukakan Borang L Jadual Pertama selepas pembayaran fi dalam Jadual Kedua.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat bagi tempoh yang perakuan dikeluarkan itu masih sah dan disertakan dengan salinan diakui sah kad pengenalan atau passport yang sah pemohon, borang maklumat pemohon dan dokumen sokongan yang berkaitan.

Mempamerkan perakuan pengamalan

8. (1) Seorang pengamal berdaftar hendaklah pada setiap masa mempamerkan dengan jelas—

(a) perakuan pengamalannya yang sah di tempat amalannya yang utama; dan

(b) salinan diakui sah perakuan pengamalan itu di setiap tempat amalan yang lain.

(2) Mana-mana pengamal berdaftar yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

BAHAGIAN III

DAFTAR

Daftar

9. (1) Pendaftar hendaklah menyenggara daftar yang berikut:

(a) daftar pengamal berdaftar sementara;

- (b) daftar pengamal berdaftar;
- (c) daftar pengamal yang mendaftar untuk sementara;
- (d) daftar perakuan pengamalan sementara;
- (e) daftar perakuan pengamalan pengamal berdaftar;
- (f) daftar pembatalan pendaftaran;
- (g) daftar senarai pemerhatian;
- (h) daftar pengamal yang disenarai hitam; dan
- (i) apa-apa daftar lain sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

(2) Daftar di bawah subperaturan (1) hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) nama dan alamat tempat tinggal pengamal;
- (b) nombor kad pengenalan atau nombor pasport pengamal;
- (c) kelayakan pengamal; dan
- (d) nama dan alamat tempat amalan.

Pemeriksaan daftar

10. Fi bagi memeriksa dan membuat salinan, atau mengambil cabutan butiran daripada daftar adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Permohonan untuk kemasukan semula nama dalam daftar

11. (1) Mana-mana pengamal berdaftar yang namanya telah dipotong daripada daftar hendaklah memohon dalam Borang M Jadual Pertama kepada Majlis untuk namanya dimasukkan semula dalam daftar selepas pembayaran fi dalam Jadual Kedua.

(2) Permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan salinan diakui sah kad pengenalan atau passport yang sah pemohon, borang maklumat pemohon dan dokumen sokongan yang berkaitan.

(3) Setelah mempertimbangkan permohonan di bawah subperaturan (1), Majlis boleh memerintahkan Pendaftar untuk memasukkan semula nama pengamal berdaftar itu ke dalam daftar.

Pemberitahuan perubahan butir-butir

12. Seseorang pengamal hendaklah, dalam masa satu bulan berlakunya apa-apa perubahan material dalam mana-mana maklumat yang dikemukakan kepada Pendaftar dalam mana-mana permohonan atau mana-mana perubahan material dalam mana-mana maklumat yang dikemukakan atas permintaan Pendaftar, memberitahu Pendaftar perubahan itu secara bertulis.

BAHAGIAN IV
PROSIDING TATATERTIB

Penubuhan Jawatankuasa Penyiasatan

13. (1) Suatu Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah ditubuhkan dan terdiri daripada seorang pengerusi dan empat anggota daripada kalangan penjawat awam yang dilantik oleh Majlis.

(2) Anggota Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah, tertakluk kepada syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam instrumen pelantikannya, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatan, memegang jawatan bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun dan layak untuk dilantik semula.

(3) Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah menjalankan penyiasatan awal ke atas aduan atau maklumat yang berkenaan dengan apa-apa perkara tatatertib yang boleh disiasat oleh Majlis.

(4) Majlis boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mana-mana anggota Jawatankuasa Penyiasatan jika Majlis mendapati orang itu bukan lagi seseorang yang layak dan sesuai untuk menjalankan fungsinya.

(5) Anggota Jawatankuasa Penyiasatan boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberi notis secara bertulis kepada Majlis dan sesalinan notis itu kepada Jawatankuasa Penyiasatan.

(6) Majlis boleh melantik mana-mana orang yang difikirkan layak oleh Majlis untuk mengisi kekosongan bagi baki tempoh kekosongan anggota Jawatankuasa Penyiasatan.

Mesyuarat Jawatankuasa Penyiasatan

14. (1) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Jawatankuasa Penyiasatan.

(2) Pada masa ketiadaan pengerusi, mana-mana anggota yang dipilih oleh anggota yang hadir pada mesyuarat Jawatankuasa Penyiasatan itu hendaklah mempengerusikan mesyuarat.

(3) Kuorum mesyuarat hendaklah tiga.

(4) Dalam hal keadaan bilangan undi sama banyak, pengerusi, atau pada masa ketiadaannya, orang yang mempengerusikan mesyuarat itu, hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

(5) Keputusan Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah dibuat secara majoriti mudah.

(6) Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah menentukan tatacaranya sendiri.

(7) Tiada tindakan atau prosiding yang diambil oleh Jawatankuasa Penyiasatan boleh dipersoalkan atas alasan—

(a) apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau apa-apa kecacatan dalam penubuhan Jawatankuasa Penyiasatan; atau

(b) apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

Aduan atau maklumat

15. (1) Apa-apa aduan atau maklumat terhadap pengamal berdaftar hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dikemukakan kepada Majlis.

(2) Majlis hendaklah mengemukakan aduan atau maklumat yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada Jawatankuasa Penyiasatan.

Penolakan terus aduan atau maklumat

16. (1) Jawatankuasa Penyiasatan boleh mengesyorkan kepada Majlis untuk menolak terus apa-apa aduan atau maklumat jika Jawatankuasa Penyiasatan berpuas hati bahawa—

(a) aduan atau maklumat yang diterima tidak termasuk dalam bidang kuasa tatatertib Majlis di bawah subseksyen 36(2) Akta; atau

(b) terdapat sebab untuk meragui aduan atau maklumat itu.

(2) Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah memberikan sebab bagi apa-apa syor di bawah subperaturan (1).

Penyiasatan awal oleh Jawatankuasa Penyiasatan

17. (1) Jika Jawatankuasa Penyiasatan mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa aduan atau maklumat itu adalah benar, Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah—

- (a) memberitahu pengamal berdaftar tentang penerimaan aduan atau maklumat yang berkaitan dengannya;
- (b) mengemukakan sesalinan aduan atau maklumat dan dokumen sokongan yang diterima oleh Jawatankuasa Penyiasatan kepada pengamal berdaftar;
- (c) menghendaki pengamal berdaftar untuk mengemukakan jawapan kepada aduan atau maklumat itu dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penerimaan pemberitahuan itu; dan
- (d) meminta daripada pengamal berdaftar penjelasan atau dokumen lain untuk diberikan dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan permintaan itu.

(2) Pada akhir penyiasatan, selepas mempertimbangkan jawapan dan penjelasan oleh pengamal berdaftar, jika ada, Jawatankuasa Penyiasatan boleh mengesyorkan kepada Majlis bahawa—

- (a) tiada tindakan lanjut akan diambil berhubung dengan aduan atau maklumat yang diterima itu; atau
- (b) aduan atau maklumat yang diterima itu hendaklah dikemukakan kepada pihak berkuasa tatatertib untuk suatu siasatan diadakan.

Syor dan rekod penyiasatan

18. (1) Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah menyediakan dan mengemukakan syor dan rekod penyiasatan kepada Majlis dalam masa tiga puluh hari dari tarikh tutup penyiasatan.

(2) Majlis boleh, selepas mempertimbangkan syor Jawatankuasa Penyiasatan—

(a) membuang terus aduan atau maklumat itu; atau

(b) mengemukakan aduan atau maklumat itu bersama dengan syor Jawatankuasa Penyiasatan kepada pihak berkuasa tatatertib untuk suatu siasatan diadakan.

Penubuhan pihak berkuasa tatatertib

19. (1) Majlis hendaklah melantik suatu pihak berkuasa tatatertib yang terdiri daripada—

(a) seorang pengerusi yang merupakan anggota Majlis; dan

(b) dua anggota lain yang seorang daripadanya hendaklah seseorang pengamal berdaftar dengan perakuan pengamalan yang sah.

(2) Pihak berkuasa tatatertib hendaklah menjalankan siasatan ke atas apa-apa aduan atau maklumat yang berkenaan dengan apa-apa perkara tatatertib yang diterima terhadap mana-mana pengamal berdaftar.

Mesyuarat pihak berkuasa tatatertib

20. (1) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat pihak berkuasa tatatertib.

(2) Pada masa ketiadaan pengerusi, mana-mana anggota yang dipilih oleh anggota yang hadir pada mesyuarat pihak berkuasa tatatertib itu hendaklah mempengerusikan mesyuarat.

(3) Dalam hal keadaan bilangan undi sama banyak, pengerusi, atau pada masa ketiadaannya, orang yang mempengerusikan mesyuarat itu, hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

(4) Keputusan pihak berkuasa tatatertib hendaklah dibuat secara majoriti mudah.

(5) Pihak berkuasa tatatertib hendaklah menentukan tatacaranya sendiri.

(6) Tiada tindakan atau prosiding yang diambil oleh pihak berkuasa tatatertib boleh dipersoalkan atas alasan—

(a) apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau apa-apa kecacatan dalam penubuhan pihak berkuasa tatatertib; atau

(b) apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

(7) Anggota pihak berkuasa tatatertib hendaklah, tertakluk kepada syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam instrumen pelantikannya, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatan, memegang jawatan bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun dan layak untuk dilantik semula.

(8) Majlis boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mana-mana anggota pihak berkuasa tatatertib jika Majlis mendapati orang itu bukan lagi seseorang yang layak dan sesuai untuk menjalankan fungsinya.

(9) Anggota pihak berkuasa tata tertib boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberi notis secara bertulis kepada Majlis dan sesalinan notis itu kepada pihak berkuasa tata tertib.

(10) Majlis boleh melantik mana-mana orang yang difikirkan layak oleh Majlis untuk mengisi kekosongan bagi baki tempoh kekosongan anggota pihak berkuasa tata tertib.

Siasatan pihak berkuasa tata tertib

21. (1) Pihak berkuasa tata tertib setelah menerima aduan atau maklumat bersama dengan syor Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah—

(a) menghendaki kehadiran pengadu dan mana-mana orang yang mengetahui keadaan aduan atau maklumat itu di hadapan pihak berkuasa tata tertib pada tarikh, masa dan tempat yang akan ditentukan oleh pihak berkuasa tata tertib; dan

(b) memberitahu pengamal berdaftar berkenaan yang terhadapnya aduan itu dibuat secara bertulis mengenai—

(i) tarikh, masa dan tempat siasatan aduan atau maklumat itu akan diadakan; dan

(ii) haknya untuk hadir dengan atau tanpa peguam pada siasatan itu.

(2) Pihak berkuasa tata tertib hendaklah mengadakan siasatan pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam notis itu dan hendaklah meneruskan untuk menyiasat pengatahan yang dibuat terhadap pengamal berdaftar yang berkenaan walaupun jika pengamal berdaftar itu tidak hadir.

(3) Pihak berkuasa tata tertib hendaklah memeriksa pengadu dan mana-mana orang yang menyokong aduan itu.

(4) Pengadu dan mana-mana orang yang disebut dalam subperaturan (3) boleh diperiksa balas oleh pengamal berdaftar yang berkenaan dan selanjutnya diperiksa semula oleh pihak berkuasa tatatertib, jika perlu.

(5) Pihak berkuasa tatatertib hendaklah merekodkan semua pernyataan yang dibuat oleh pengadu dan orang yang diperiksa.

(6) Bagi maksud siasatan, pihak berkuasa tatatertib boleh menghendaki pengadu atau pengamal berdaftar yang berkenaan untuk mengemukakan apa-apa bahan atau bukti berkaitan dengan siasatan oleh pihak berkuasa tatatertib dan membuat salinan bahan atau bukti itu.

(7) Selepas mengambil kenyataan pengadu dan orang yang disebut dalam subperaturan (3), jika pihak berkuasa tatatertib mendapati bahawa—

(a) tiada alasan yang mencukupi untuk menyokong aduan itu, pihak berkuasa tatatertib hendaklah mengesyorkan kepada Majlis bahawa tiada apa-apa tindakan lanjut hendaklah diambil terhadap pengamal berdaftar yang berkenaan; atau

(b) terdapat alasan yang mencukupi untuk menyokong aduan itu, pihak berkuasa tatatertib hendaklah membuat suatu pertuduhan terhadap pengamal berdaftar yang berkenaan dan menjelaskan kepada pengamal berdaftar itu bahawa dia boleh membuat pembelaan ke atas pertuduhan yang dibuat terhadapnya dan memanggil saksi untuk menyokong pembelaannya.

(8) Jika pengamal berdaftar itu tidak membuat pembelaan, pihak berkuasa tatatertib boleh mengesyorkan kepada Majlis bahawa pengamal berdaftar yang berkenaan didapati bersalah atas kesalahan itu.

(9) Jika pengamal berdaftar yang berkenaan memilih untuk membuat pembelaannya di hadapan pihak berkuasa tatatertib, pernyataannya dan pernyataan

saksinya, jika ada, hendaklah direkodkan dan pihak berkuasa tatatertib boleh memeriksa balas kenyataan pengamal berdaftar dan saksinya.

Syor pihak berkuasa tatatertib

22. (1) Selepas mempertimbangkan pernyataan pengamal berdaftar dan saksinya di bawah subperaturan 21(9), jika ada, jika pihak berkuasa tatatertib mendapati—

- (a) tiada alasan yang mencukupi untuk menyokong pertuduhan itu, pihak berkuasa tatatertib hendaklah mengesyorkan kepada Majlis bahawa tiada tindakan lanjut diambil terhadap pengamal berdaftar; atau
- (b) pengamal berdaftar yang berkenaan bersalah atas pertuduhan itu, pihak berkuasa tatatertib hendaklah memaklumkan dapattannya dan sebab bagi keputusannya kepada pengamal berdaftar itu.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(b), pengamal berdaftar itu boleh membuat apa-apa rayuan meringankan hukuman dan selepas mendengar rayuan itu, pihak berkuasa tatatertib hendaklah mengesyorkan kepada Majlis mana-mana hukuman di bawah seksyen 37 Akta.

Keputusan Majlis

23. (1) Majlis boleh, setelah mempertimbangkan rekod siasatan dan syor pihak berkuasa tatatertib, atas sebab untuk direkodkan—

- (a) menerima syor pihak berkuasa tatatertib dan mengenakan hukuman;
- (b) mengarahkan supaya pihak berkuasa tatatertib untuk mengadakan mesyuarat semula dan menyiasat dengan lebih lanjut ke atas aduan atau maklumat itu;

- (c) mengarahkan supaya pihak berkuasa tata tertib yang baharu ditubuhkan dan menjalankan suatu siasatan ke atas aduan atau maklumat itu;
- (d) mengarahkan supaya pertuduhan itu dibuang jika Majlis mendapati bahawa tiada kes telah dibuktikan terhadap pengamal berdaftar itu;
- (e) menolak syor pihak berkuasa tata tertib dan membuat keputusannya sendiri; atau
- (f) memberi arahan lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis.

(2) Majlis hendaklah memaklumkan pengamal berdaftar keputusan yang dibuat di bawah subperaturan (1).

(3) Majlis hendaklah mempunyai hak untuk menyiarkan dalam media keputusan mana-mana siasatan yang telah dijalankan.

Larangan menghadiri prosiding tata tertib

24. (1) Tiada anggota Majlis, Jawatankuasa Penyiasatan atau pihak berkuasa tata tertib boleh menghadiri atau mengambil bahagian dalam mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Penyiasatan atau pihak berkuasa tata tertib, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang berhubungan dengan suatu prosiding tata tertib jika—

- (a) orang itu adalah pengadu;
- (b) orang itu secara peribadi mengetahui apa-apa fakta yang relevan;
- (c) orang itu telah hadir di hadapan pihak berkuasa tata tertib bagi maksud membuat apa-apa pernyataan; atau

- (d) pengadu atau orang yang hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib bagi maksud membuat apa-apa pernyataan atau pengamal berdaftar itu ialah anggota keluarganya atau sekutunya.

(2) Bagi maksud peraturan ini—

“anggota keluarganya”, berhubung dengan seseorang anggota Majlis, Jawatankuasa Penyiasatan atau pihak berkuasa tatatertib, termasuk—

- (a) suami atau isterinya;
- (b) ibu atau bapanya (termasuk ibu atau bapa suami atau isterinya);
- (c) anaknya (termasuk anak angkat atau anak tiri);
- (d) adik-beradiknya (termasuk adik-beradik suami atau isterinya);
dan
- (e) suami atau isteri anaknya atau adik-beradiknya; dan

“sekutu”, berhubung dengan seseorang anggota Majlis, Jawatankuasa Penyiasatan atau pihak berkuasa tatatertib, termasuk—

- (a) amalan atau syarikat yang mana anggota atau mana-mana penamanya merupakan pekongsi atau pekerja; atau
- (b) pekongsi atau pekerja anggota itu.

JADUAL PERTAMA

BORANG A

AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2016 [*Akta 775*]

[Subperaturan 2(1)]

PERMOHONAN UNTUK PENDAFTARAN SEMENTARA

Saya (nama penuh)ingin memohon untuk pendaftaran sementara di bawah subseksyen 22(1) Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016.

Dengan ini saya sertakan pembayaran secara *Wang Tunai/ Kiriman Wang Pos/ Wang Pos/ Draf Bank/ Cek (No.)/ pemindahan dana elektronik dengan jumlah RM bagi maksud yang tersebut di atas.

Saya faham bahawa keputusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kehendak Majlis PT&K dipenuhi, dan keputusan Majlis PT&K adalah muktamad.

Tandatangan Pemohon

Nama:

Tarikh:

**Potong yang mana tidak berkenaan*

BORANG B

AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2016 [*Akta 775*]

[Subperaturan 2(4)]

PERAKUAN PENDAFTARAN SEMENTARA

No. Perakuan Pendaftaran Sementara:

Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari mengesahkan dan memperakui bahawa

Nama pengamal :

No. Dokumen Pengenalan :

yang berkelayakan

adalah didaftar secara sementara di bawah seksyen 22 Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 tertakluk kepada terma dan syarat sebagai pengamal perubatan tradisional dan komplementari dalam bidang amalan diiktiraf; dalam subbidang/ sublapangan.....

Tarikh:

Pengerusi
Majlis Perubatan Tradisional
dan Komplementari

BORANG C

AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2016 [*Akta 775*]

[Subperaturan 3(1)]

PERMOHONAN UNTUK PENGECUALIAN PENDAFTARAN SEMENTARA

Saya (nama penuh)ingin memohon pengecualian pendaftaran sementara di bawah subseksyen 22(10) Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 sebagai pengamal perubatan tradisional dan komplementari dalam bidang amalan diiktiraf:

Saya faham bahawa keputusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kehendak Majlis PT&K dipenuhi, dan keputusan Majlis PT&K adalah muktamad.

Tandatangan Pemohon

Nama:

Tarikh:

BORANG D

AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2016 [*Akta 775*]

[Subperaturan 3(3)]

PERAKUAN PENGECUALIAN

No. Perakuan Pengecualian:

Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari mengesahkan dan memperakui bahawa

Nama pengamal:

No. Dokumen Pengenalan:

yang berkelayakan.....

dikecualikan daripada pendaftaran sementara di bawah subseksyen 22(10) Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 sebagai pengamal perubatan tradisional dan komplementari dalam bidang amalan diiktiraf:

Tarikh:

Pengerusi
Majlis Perubatan Tradisional dan
Komplementari

BORANG E

AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2016 [*Akta 775*]

[Subperaturan 4(1)]

PERMOHONAN UNTUK PENDAFTARAN SEBAGAI PENGAMAL BERDAFTAR

Saya (nama penuh) ingin memohon untuk mendaftar sebagai pengamal berdaftar di bawah subseksyen 23(1) Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016.

Dengan ini saya sertakan pembayaran secara *Wang Tunai/ Kiriman Wang Pos/ Wang Pos/ Draf Bank/ Cek (No.)/ pemindahan dana elektronik dengan jumlah RM bagi maksud yang tersebut di atas.

Saya faham bahawa keputusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kehendak Majlis PT&K dipenuhi, dan keputusan Majlis PT&K adalah muktamad.

Tandatangan Pemohon

Nama:

Tarikh:

**Potong yang mana tidak berkenaan*

BORANG F

AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2016 [*Akta 775*]

[Subperaturan 4(6)]

PERAKUAN PENGAMAL BERDAFTAR

No. Perakuan Pengamal Berdaftar:

Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari mengesahkan dan memperakui bahawa

Nama pengamal:

No. Dokumen Pengenalan:

yang berkelayakan:

adalah berdaftar di bawah seksyen 23 Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 sebagai pengamal perubatan tradisional dan komplementari dalam bidang amalan diiktiraf; dalam subbidang/sublapangan

Tarikh:

Pengerusi
Majlis Perubatan Tradisional dan
Komplementari

BORANG G

AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2016 [*Akta 775*]

[Subperaturan 5(1)]

PERMOHONAN UNTUK PERAKUAN PENGAMALAN SEMENTARA

Saya (nama penuh) ingin memohon untuk perakuan pengamalan sementara di bawah subseksyen 24(2) Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016.

Dengan ini saya sertakan pembayaran secara *Wang Tunai/ Kiriman Wang Pos/ Wang Pos/ Draf Bank/ Cek (No.)/ pemindahan dana elektronik dengan jumlah RM bagi maksud yang tersebut di atas.

Saya faham bahawa keputusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kehendak Majlis PT&K dipenuhi, dan keputusan Majlis PT&K adalah muktamad.

Tandatangan Pemohon

Nama:

Tarikh:

**Potong yang mana tidak berkenaan*

BORANG H

AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2016 [*Akta 775*]

[Subperaturan 5(3)]

PERAKUAN PENGAMALAN SEMENTARA

No. Perakuan Pengamalan Sementara:

Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari mengesahkan dan memperakui bahawa

Nama pengamal:

No. Dokumen Pengenalan

yang berkelayakan

berdaftar sebagai pengamal perubatan tradisional dan komplementari dan adalah dibenarkan untuk mengamal dalam bidang amalan diiktiraf

untuk tempoh daripada:

di: (alamat)

sebagai tempat amalan utama.

Tarikh:

Pengerusi
Majlis Perubatan Tradisional dan
Komplementari

BORANG I

AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2016 [*Akta 775*]

[Subperaturan 6(1)]

PERMOHONAN UNTUK PERAKUAN PENGAMALAN PENGAMAL BERDAFTAR

Saya (nama penuh) ingin memohon untuk perakuan pengamalan pengamal berdaftar di bawah subseksyen 26(2) Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016.

Dengan ini saya sertakan pembayaran secara *Wang Tunai/ Kiriman Wang Pos/ Wang Pos/ Draf Bank/ Cek (No.)/ pemindahan dana elektronik dengan jumlah RM bagi maksud yang tersebut di atas.

Saya faham bahawa keputusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kehendak Majlis PT&K dipenuhi, dan keputusan Majlis PT&K adalah muktamad.

Tandatangan Pemohon

Nama:

Tarikh:

**Potong yang mana tidak berkenaan*

BORANG J

AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2016 [*Akta 775*]

[Subperaturan 6(3)]

PERMOHONAN UNTUK PEMBAHARUAN PERAKUAN PENGAMALAN PENGAMAL
BERDAFTAR

Saya (nama penuh)ingin memohon untuk pembaharuan perakuan pengamalan pengamal berdaftar di bawah subseksyen 26(6) Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016.

Dengan ini saya sertakan pembayaran secara *Wang Tunai/ Kiriman Wang Pos/ Wang Pos/ Draf Bank/ Cek (No.)/ pemindahan dana elektronik dengan jumlah RM bagi maksud yang tersebut di atas.

Saya faham bahawa keputusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kehendak Majlis PT&K dipenuhi, dan keputusan Majlis PT&K adalah muktamad.

Tandatangan Pemohon

Nama:

Tarikh:

**Potong yang mana tidak berkenaan*

BORANG K

AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2016 [*Akta 775*]

[Subperaturan 6(4)]

PERAKUAN PENGAMALAN PENGAMAL BERDAFTAR

No. Perakuan pengamal berdaftar:

Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari mengesahkan dan memperakui bahawa

Nama pengamal:

No. Dokumen Pengenalan:

yang berkelayakan

berdaftar sebagai pengamal perubatan tradisional dan komplementari dan adalah dibenarkan untuk mengamal dalam bidang amalan diiktiraf; dalam subbidang/sublapangan

untuk tempoh daripada:

di: (alamat)

sebagai tempat amalan utama

dan di tempat amalan lain seperti berikut:

Tarikh:

Pengerusi
Majlis Perubatan Tradisional dan
Komplementari

BORANG L

AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2016 [*Akta 775*]

[Subperaturan 7(1)]

PERMOHONAN UNTUK PENGEMBALIAN PERAKUAN PENGAMALAN SELEPAS
PENGGANTUNGAN

Saya (nama penuh) ingin memohon untuk pengembalian perakuan pengamalan selepas nama digantung daripada daftar di bawah subseksyen 39(2) Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016.

Saya mengakui maklumat-maklumat yang dinyatakan dalam permohonan ini adalah benar dan betul dan dokumen yang dilampirkan merupakan salinan sah dokumen asal. Saya memahami bahawa apa-apa pemalsuan maklumat yang diberikan akan menyebabkan pembatalan permohonan ini.

Dengan ini saya sertakan pembayaran secara *Wang Tunai/ Kiriman Wang Pos/ Wang Pos/ Draf Bank/ Cek (No.)/ pemindahan dana elektronik dengan jumlah RM bagi maksud yang tersebut di atas.

Saya faham bahawa keputusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kehendak Majlis PT&K dipenuhi, dan keputusan Majlis PT&K adalah muktamad.

Tandatangan Pemohon

Tarikh:

Nama:

**Potong yang mana tidak berkenaan*

BORANG M

AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2016 [*Akta 775*]

[Subperaturan 11(1)]

PERMOHONAN UNTUK KEMASUKAN SEMULA NAMA DALAM DAFTAR

Saya (nama penuh) ingin memohon untuk kemasukan semula nama dalam Daftar selepas nama dipotong daripada Daftar di bawah subseksyen 28(1) dan subseksyen 39(1) Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016.

Saya mengakui maklumat-maklumat yang dinyatakan dalam permohonan ini adalah benar dan betul dan dokumen yang dilampirkan merupakan salinan sah dokumen yang asal. Saya memahami bahawa sebarang pemalsuan maklumat yang diberikan akan menyebabkan pembatalan permohonan ini.

Dengan ini saya sertakan pembayaran secara *Wang Tunai/ Kiriman Wang Pos/ Wang Pos/ Draf Bank/ Cek (No.)/ pemindahan dana elektronik dengan jumlah RM bagi maksud yang tersebut di atas.

Saya faham bahawa keputusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kehendak Majlis PT&K dipenuhi, dan keputusan Majlis PT&K adalah muktamad.

Tandatangan Pemohon

Nama:

Tarikh:

**Potong yang mana tidak berkenaan*

JADUAL KEDUA

[Subperaturan 2(1), 4(1), 5(1), 6(1) dan 7(1), peraturan 10 dan subperaturan 11(1)]

BAYARAN FI

Bil.	Keterangan	Fi (RM)
1.	Fi permohonan untuk pendaftaran sementara	50.00
2.	Fi permohonan untuk pendaftaran sebagai pengamal berdaftar	100.00
3.	Fi permohonan untuk perakuan pengamalan sementara	200.00
4.	Fi permohonan untuk perakuan pengamalan pengamal berdaftar	50.00
5.	Fi permohonan untuk pembaharuan perakuan pengamalan pengamal berdaftar	50.00
6.	Fi permohonan untuk pengembalian perakuan pengamalan selepas penggantungan	50.00
7.	Fi untuk pemeriksaan atau membuat salinan atau mengambil cabutan butiran daripada daftar	10.00 satu pemeriksaan atau salinan atau cabutan butiran untuk setiap pengamal
8.	Fi permohonan untuk memasukkan semula nama ke dalam daftar	100.00

JADUAL KETIGA

[Perenggan 4(2)(a)]

KELAYAKAN PENGAMAL BERDAFTAR

Bidang amalan diiktiraf	Subbidang/sublapangan	Kelayakan
Perubatan tradisional Melayu	herba Melayu	Tiada
	urut Melayu	Diploma Kemahiran Malaysia (Tahap 4): Urut Terapeutik dan Penjagaan
		Diploma Lanjutan Urut Melayu daripada Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (dari tahun 2010 hingga 2012)
	bekam Melayu	Sijil Kemahiran Malaysia (Tahap 3): Terapi Bekam Angin
	penjagaan postnatal	Diploma Kemahiran Malaysia (Tahap 4): Penjagaan Ibu Selepas Bersalin Mamacare
Perubatan tradisional Cina	herba Cina	(a) Ijazah Sarjana Muda dalam perubatan tradisional Cina atau setaraf seperti yang diiktiraf oleh Majlis; atau
	akupunktur dan moksibusi	(b) Ijazah Sarjana Muda dalam Akupunktur, Moxibusi dan Tuina atau setaraf seperti yang diiktiraf oleh Majlis; atau (c) Diploma dalam perubatan tradisional Cina dan memenuhi kriteria yang berikut:

Bidang amalan diiktiraf	Subbidang/ sublapangan	Kelayakan
	bekam Cina	(i) lepasan kolej perubatan tradisional Cina tempatan yang berikut: A. Kuala Lumpur Academy of Traditional Chinese Medicine B. Traditional Chinese Medical Institute Malaysia C. Pusat Latihan Perubatan Zhonghua Johor D. Pusat Latihan Perubatan Zhonghua Pulau Pinang E. Pusat Latihan Perubatan Zhonghua (Georgetown) F. Pusat Latihan Perubatan Zhonghua Malaya Utara G. Perak Chinese Physician Training Institute H. Bodhi Chinese Physicians Medical Centre I. The Chinese Medical Institute of Sarawak
	tuina	

Bidang amalan diiktiraf	Subbidang/ sublapangan	Kelayakan
		J. Zhong Jing TCM Academy K. TCM Specialist Academy L. Ji Ting Academy of Traditional Chinese Medicine M. Oriental Academy of Chinese Medicine N. TAMA Acupuncture Academy O. Shen Nong Training Centre (ii) Pengambilan pelajar mestilah dari 1 Januari 1995 hingga 31 Disember 2009
Perubatan tradisional India	ayurveda	Ijazah Sarjana Muda dalam perubatan Ayurveda atau setaraf seperti yang diiktiraf oleh Majlis
	siddha	Ijazah Sarjana Muda dalam perubatan Siddha atau setaraf seperti yang diiktiraf oleh Majlis
	unani	Ijazah Sarjana Muda dalam perubatan Unani atau setaraf seperti yang diiktiraf oleh Majlis
	yoga dan naturopati	Ijazah Sarjana Muda dalam Naturopati dan Sains Yoga atau setaraf seperti yang diiktiraf oleh Majlis

Bidang amalan diiktiraf	Subbidang/ sublapangan	Kelayakan
homeopati		Ijazah Sarjana Muda dalam Homeopati atau setaraf seperti yang diiktiraf oleh Majlis.
kiropraktik		Ijazah Sarjana Muda dalam Kiropraktik atau setaraf seperti yang diiktiraf oleh Majlis
osteopati		Ijazah Sarjana Muda dalam Osteopati atau setaraf seperti yang diiktiraf oleh Majlis
pengubatan Islam		Diploma Kemahiran Malaysia (Tahap 4) : Perawatan Ruqyah

1. Subbidang merujuk kepada pecahan perubatan tradisional Melayu dan perubatan tradisional Cina berdasarkan kaedah-kaedah rawatan.
2. Sublapangan merujuk kepada pecahan perubatan tradisional India berdasarkan jenis amalan berbeza.
3. Ijazah Sarjana Muda atau setaraf merujuk kepada Ijazah Sarjana Muda sebagaimana yang diluluskan atau diiktiraf oleh Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari dan dinyatakan dalam garis panduan pendaftaran untuk bidang amalan diiktiraf berkaitan.

JADUAL KEEMPAT

[perenggan 2(2)(c) dan 4(2)(b) dan subperenggan 4(4)(c)(ii)]

PENGALAMAN YANG DIKEHENDAKI

Bidang amalan diiktiraf	Pengalaman yang dikehendaki
perubatan tradisional Melayu	(a) Pengalaman mengamal perubatan tradisional Melayu untuk tempoh 10 tahun dan lebih yang akan diperaku oleh mana-mana orang yang ditentukan oleh Majlis; atau (b) Pengalaman mengamal perubatan tradisional Melayu untuk tempoh sekurang-kurangnya 5 tahun dan sehingga 10 tahun yang akan diperaku oleh mana-mana orang yang ditentukan oleh Majlis dan memiliki— (i) Sijil Kemahiran Malaysia (Tahap 3) dan berkaitan dengan amalan perubatan tradisional Melayu; atau (ii) Pengiktirafan pencapaian terdahulu yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia, Malaysia yang setaraf dengan Sijil Kemahiran Malaysia (Tahap 3) dan berkaitan dengan amalan perubatan tradisional Melayu
perubatan tradisional Cina	Pengalaman mengamal perubatan tradisional Cina untuk tempoh 10 tahun dan ke atas yang akan diperaku oleh mana-mana orang yang ditentukan oleh Majlis
perubatan tradisional India	(a) Pengalaman mengamal perubatan tradisional India untuk tempoh 10 tahun dan lebih yang akan diperaku oleh mana-mana orang yang ditentukan oleh Majlis; atau

Bidang amalan diiktiraf	Pengalaman yang dikehendaki
	<i>(b)</i> Mempunyai pengalaman mengamal perubatan tradisional India untuk tempoh sekurang-kurangnya 5 tahun dan sehingga 10 tahun yang akan diperaku oleh mana-mana orang yang ditentukan oleh Majlis dan memiliki— <i>(i)</i> Sijil Kemahiran Malaysia (Tahap 3) dan berkaitan dengan perubatan tradisional India; atau <i>(ii)</i> Pengiktirafan pencapaian terdahulu yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia, Malaysia yang setaraf dengan Sijil Kemahiran Malaysia (Tahap 3) dan berkaitan dengan perubatan tradisional India
homeopati	<i>(a)</i> Mempunyai pengalaman mengamal homeopati untuk tempoh 5 tahun dan lebih yang akan diperaku oleh mana-mana orang yang ditentukan oleh Majlis <i>(b)</i> Tempoh pengalaman hendaklah dikira daripada tarikh pemohon mula mengamal hingga 1 Ogos 2016
pengubatan Islam	<i>(a)</i> Memenuhi keperluan saringan i-Syifa' sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis; atau <i>(b)</i> Pengalaman mengamal amalan pengubatan Islam untuk tempoh 5 tahun dan lebih yang akan diperaku oleh mana-mana orang yang ditentukan oleh Majlis

JADUAL KELIMA

[Perenggan 4(1)(c) dan 4(4)(d)]

SENARAI BADAN PENGAMAL SEBELUM PERMULAAN KUAT KUASA AKTA

Bidang amalan	Badan pengamal
perubatan tradisional Melayu	Gabungan Pertubuhan Pengamal Perubatan Tradisional Melayu Malaysia
perubatan tradisional Cina	Persatuan Tabib Tionghoa Malaysia
	Persekutuan Persatuan Tabib dan Pedagang Ubat Tionghua Malaysia
	Persekutuan Persatuan Tabib Perubatan Tradisional Cina dan Akupunktur Malaysia
perubatan tradisional India	Pertubuhan Perubatan Tradisional India, Malaysia
homeopati	Majlis Perubatan Homeopati Malaysia
kiropraktik dan osteopati	Gabungan Pertubuhan Perubatan Komplementari dan Alami Malaysia
pengubatan Islam	Persatuan Perubatan, Pengubatan dan Kebajikan Islam Malaysia

Dibuat 9 Februari 2021
[KKM.S.600-1/3/357 Bil.1; PN(PU2)734]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
Menteri Kesihatan

TRADITIONAL AND COMPLEMENTARY MEDICINE ACT 2016

TRADITIONAL AND COMPLEMENTARY MEDICINE REGULATIONS 2021

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

1. Citation and commencement

PART II

REGISTRATION OF PRACTITIONERS

2. Application for provisional registration
3. Certificate of exemption
4. Application for registration as a registered practitioner
5. Application for temporary practising certificate
6. Application for registered practitioner's practising certificate
7. Return of practising certificate after suspension
8. Display of practising certificate

PART III

REGISTER

9. Register
10. Inspection of register
11. Application for restoration of name into register
12. Notification of change of particulars

PART IV
DISCIPLINARY PROCEEDINGS

13. Establishment of Investigation Committee
14. Meeting of Investigation Committee
15. Complaint or information
16. Summary dismissal of complaint or information
17. Preliminary investigation of the Investigation Committee
18. Recommendation and record of investigation
19. Establishment of disciplinary authority
20. Meeting of disciplinary authority
21. Inquiry of disciplinary authority
22. Recommendation of disciplinary authority
23. Decision of Council
24. Prohibition from attending disciplinary proceedings

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

THIRD SCHEDULE

FOURTH SCHEDULE

FIFTH SCHEDULE

TRADITIONAL AND COMPLEMENTARY MEDICINE ACT 2016

TRADITIONAL AND COMPLEMENTARY MEDICINE REGULATIONS 2021

IN exercise of the powers conferred by paragraph 60(2)(b), (c), (d), (e), (k) and (m) of the Traditional and Complementary Medicine Act 2016 [Act 775], the Minister makes the following regulations:

PART I

PRELIMINARY

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Traditional and Complementary Medicine Regulations 2021**.

